

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	26/08/2017

Tidak percaya konsep ketuanan Melayu

Tun M buat pusingan U lagi

Oleh **AZRUL HAKIMIE ANUER**
pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 25 OGOS**

PENGERUSI Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr. Mahathir Mohamad sekali lagi membuat pusingan U apabila mengubah pendiriannya untuk tidak mempercayai konsep ketuanan Melayu yang beliau perjuangkan sebagai modal politik semasa menjadi Perdana Men-

teri selama 22 tahun sebelum ini.

Menurut Dr. Mahathir, ketuanan Melayu tidak berlaku pada ketika ekonomi negara ini terus dikawal bangsa lain, manakala orang Melayu hanya menguasai bidang politik.

“Saya tak percaya kepada ketuanan Melayu. Saya pernah beritahu Presiden Parti



MAHATHIR MOHAMAD

Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa), Datuk Dr. Ibrahim Ali bahawa jika anda pemandu, orang di belakang anda adalah tuan.

“Kita perlu menerima realiti. Jika anda mahu menjadi tuan, anda mesti bekerja keras, anda mesti bersaing, anda mesti mendapat pendidikan yang baik, anda mesti mempunyai sistem

nilai yang baik,” katanya seperti dipetik portal *Suara.Tv*.

Beliau berkata demikian di dalam forum bertajuk Pelaburan Negara China, Adakah Ia Keterlaluan? yang berlangsung di sini semalam.

Pada 19 Ogos 2000, *Utusan Malaysia* pernah menyiarkan kenyataan Dr. Mahathir bahawa beliau tidak akan berganjak ‘walau satu langkah pun’ dalam mempertahankan hak-hak keistimewaan orang Melayu di negara ini.

UM - 26/8/2017 pg. 6